

16/05/2002

Amerika dulu, sekarang berbeza

Mustapa Omar

AMERIKA Syarikat adalah sebuah dunia tersendiri, menyebabkan penghuni dan penguasanya boleh memilih untuk tidak mempedulikan dunia luar. Jika kita lihat bentuk geografi dan ragam penduduknya, kita pasti tahu kenapa orang Amerika punya sebab untuk tidak acuh terhadap dunia luar - perbezaan di antara mereka sendiri seolah-olah tidak pernah selesai dan menuntut mereka untuk terus menerus menyesuaikan diri.

Tuhan memberikan negara itu tanah yang luas, daripada suasana sejuk membeku di Alaska, musim gugur yang indah di New York, nyamannya iklim mediterranean di California dan kehangatan cuaca tropika di Hawaii. Ini ditambah dengan penduduknya yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama.

Pemimpin dan rakyat Amerika bergerak dan berpindah terlalu cepat - pindah kerja, pindah tempat tinggal, pindah pendapat, pindah selera dan pindah gaya hidup yang menimbulkan pelbagai masalah baru. Semua inilah yang menjadi punca mereka tidak mempunyai sisa perhatian untuk dunia luar.

Bagaimanapun, apabila mereka memilih untuk campur tangan, kesannya amat jelas sekali. Lihat saja apa yang berlaku di Vietnam, Nicaragua, Panama, Iraq dan yang terbaru di Afghanistan. Walaupun seluruh dunia tidak bersetuju dengan tindak-tanduknya, Amerika tidak perlu tunduk dan akur kerana ia sememangnya sebuah kuasa gagah.

Tetapi selepas tragedi 11 September 2001, Amerika mulai sedar bahawa mereka tidak selamanya boleh bersendirian. Mereka memerlukan teman untuk melancarkan usaha 'memerangi pengganas'. Mereka memberi kata dua kepada negara-negara lain sama ada bersama mereka atau bersama pengganas, walaupun di bawah sedar merekalah yang bertanggungjawab melahirkan pengganas itu.

Oleh itu, apabila Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berpesan kepada pemimpin dan rakyat Amerika bahawa dunia perlu diamankan semula, ia memang kena pada tempatnya kerana Amerika, terutama dasar luarnya adalah antara punca keadaan tidak tenteram di beberapa negara.

Ketika berucap pada majlis makan tengah hari yang diberikan Yang Dipertua Kongres Amerika di Washington kelmarin, Perdana Menteri turut menyorot peranan Amerika satu ketika dulu sebagai rakan kepada rakyat negara yang mahukan kebebasan, tetapi kini sudah berubah apabila sikapnya tidak lagi lembut dan bersahabat.

Mengenai sikap Amerika ini, saya teringat Woodrow Wilson, yang menjadi Presiden Amerika antara 1913 hingga 1921. Beliau meninggal dunia dalam kekecewaan untuk melihat dunia yang lebih baik dan lebih aman. Slogan 'perdamaian tanpa kemenangan' yang dilaungkannya tidak dapat diterima oleh rakyat Amerika ketika itu.

Wilson adalah pemimpin Amerika yang aneh. Beliau menolak untuk menggunakan kekerasan terhadap negara yang lemah. Malah, ketika kapal kargo Amerika, Gulflight, ditembak dengan torpedo oleh kapal selam Jerman pada 28 April 1915 dan serangan yang sama menenggelamkan kapal Inggeris, Lusitania, pada 7 Mei 1915, mengorbankan 100 rakyat Amerika, Wilson masih enggan mengarahkan tenteranya bertindak balas.

Sikapnya itu menyebabkan musuh politiknya menuduh beliau pengecut, manakala rakyat Amerika lain terus mendesaknya supaya menyerang Jerman. Mungkin, jika Ronald Reagan, George H W Bush dan anaknya, George W Bush ada ketika itu, mereka pasti menggeleng kepala melihat sikap Wilson.

Malah, seorang penyair Amerika, Robinson Jeffers, yang menulis sebuah

sajak mengenai beliau turut mencemooh slogan Wilson itu. `Kemenangan memerlukan kekuatan untuk mempertahankannya. Beban itu tidak akan pernah jadi ringan.....'

Tetapi Wilson tetap mempertahankan pendiriannya: "Memang ada dalam hidup ini sebuah bangsa yang menyadari harga diri untuk tidak mahu berkelahi." Begitulah kuatnya pegangan beliau yang terlalu berharap kepada keamanan dan kedamaian dunia.

Kemenangan dan kekuatan itulah yang menyebabkan Ronald Reagan menghantar tenteranya untuk menakluk pulau kecil bernama Grenada, mengirim senjata dan tentera ke sebuah negara kecil lain bernama Nicaragua. Perkara yang sama juga membuatkan George H W Bush menghantar tenteranya menyerang Iraq ketika Perang Teluk, manakala anaknya George W Bush mengarahkan tenteranya menghancurkan sebuah negara miskin yang tidak mampu melawan bernama Afghanistan.

Bagaimanapun, Wilson tidak dapat menolak desakan rakyatnya. Pada 2 April 1917, dengan rasa berat hati beliau akhirnya mengisytiharkan perang terhadap Jerman, sekali gus memarakkan lagi Perang Dunia Pertama. Sejak itu Amerika mula merasai nikmatnya kemenangan dan perlunya kekuatan.

Wilson tidak mudah lupa slogannya. Sebaik menang perang, beliau menyeru ke arah penyatuan semula. Tetapi seruannya itu tidak mendapat sambutan. Negara-negara sekutunya di Eropah sudah mabuk dengan kemenangan sehingga lupa diri. Mereka jadi tamak dan ego sehingga perang terus berlanjutan. Tinggallah Wilson keseorangan berjuang untuk perdamaian dan akhirnya beliau mati dalam kekecewaan pada 1924.

Kini selepas lebih 80 tahun, Amerika sebagai satu-satunya kuasa besar yang tinggal selepas komunis tumbang, masih sering mabuk dengan kemenangan. Menang dalam perangnya dengan Iraq dan menang dalam perang dengan Afghanistan. Sikap mereka semakin kasar hingga menimbulkan kebencian.

Tidak hairanlah ketika rakyat Amerika begitu bersemangat menyanyikan God Bless America di seluruh pelusuk negara itu, di beberapa sudut lain di Tehran, Baghdad, Sanaa, Seoul, Jakarta, malah di London dan Paris, sekelompok manusia melaungkan Go To Hell America dan `Jahanam Amerika'. - musomar@nstp.com.my

(END)